



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**10 September 2023
24 Safar 1445H**

| SENARAI AKHBAR | TAJUK |
|-----------------------|---------------------|
| Utusan Malaysia | • |
| Berita Harian | • |
| Harian Metro | • Ikan 'mati lemas' |
| Kosmo ! | • |
| Sinar Harian | • • |
| The Star | • |
| New Straits Time | • |
| Nanyang Siang Pau | • |
| Malaysia Gazette | • |
| Harakah | • |
| Malaysiakini | • |
| Bernamea | • |
| Borneo Post (KK) | • |
| Guan Ming Daily | • |
| Sabah Media | • |

| | | | | | | | | | |
|-------------------|---------|-------------------|--|----------------|---|-------------------|--|------------|-----------|
| UTUSAN MALAYSIA | | KOSMO! | | THE STAR | | NANYANG SIANG PAU | | MUKA SURAT | TARIKH |
| BERITA HARIAN | | SINAR HARIAN | | THE SUN | | ORIENTAL DAILY | | | |
| HARIAN METRO | ✓ | NEW STRAITS TIMES | | THE MALAY MAIL | | PELBAGAI | | | |
| KATEGORI LIPUTAN: | POSITIF | | | NEGATIF | ✓ | NEUTRAL | | 5 | 10.9.2023 |

Balik Pulau

FENOMENA AIR PASANG MERAH

IKAN 'MATI LEMAS'

Alga dari perairan Teluk Bahang dipercayai hanyut dibawa arus ke Pulau Betong

Fenomena air pasang merah atau air merah yang menyebabkan ribuan ikan mati di perairan Teluk Bahang bulan lalu kini dikesan melanda Pulau Betong di sini, kelmarin.

Difahamkan sebagaimana kejadian di perairan di Teluk Bahang, kehadiran alga dinoflagelat iaitu Noctiluca Scintillans yang menyebabkan air laut berwarna merah jambu turut menyebabkan spesies hidupan laut seperti ikan terutama ternakan dalam sangkar di perairan Pulau Betong mati.

Pengarah Pusat Kajian Samudera dan Pantai Universiti Sains Malaysia Profesor Datuk Dr Aileen Tan (*gambar*) berkata, pihaknya dimaklumkan oleh penternak ikan sangkar di perairan Pulau Betong mereka mengesakan kehadiran Noctiluca Scintillans di kawasan itu pada sebelah pagi.

Beliau berkata, ketika itu, air laut dalam keadaan pasang dan kemungkinan besar alga terbabit dari perairan Teluk Bahang yang dipercayai hanyut dibawa

arus ke Pulau Betong.

"Variasi dalam faktor persekitaran seperti suhu atmosfera yang dikaitkan dengan hujan yang tinggi mengakibatkan perubahan suhu permukaan laut manakala ketersediaan nutrien terlarut menjadi punca pembiakan Noctiluca Scintillans," katanya ketika dihubungi.

Tan berkata, berdasarkan pemantauan, pihaknya mendapati alga itu tidak lagi dikesan di perairan Teluk Bahang dan ia kini berada di sekitar Pulau

Betong. *Metro 10hb m55*

Beliau berkata, hasil penyelidikan dan kajian pihaknya mendapati kematian ikan serta hidupan laut berpunca daripada kekurangan oksigen serta kepekatan ammonia yang tinggi disebabkan kehadiran alga itu.

"Gabungan ammonia dan oksigen rendah akibat kehadiran alga di laut akan menyebabkan ikan menjadi 'sesak nafas' kerana

na kekurangan oksigen. Alga ini mengurangkan kualiti air laut dan menyebabkan ia tidak selamat untuk ikan terus hidup," katanya.

Sebelum ini, nelayan dan penternak ikan dalam sangkar sekitar Teluk Bahang bimbang dengan fenomena itu ekoran kematian ribuan ikan serta hidupan laut.

Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang memaklumkan keputusan awal analisis oleh Institut Penyelidikan Perikanan Batu Maung bagi mengenal pasti fenomena air merah di perairan Teluk Bahang mendapati alga itu bukan toksin dan tidak berbahaya kepada manusia.

